

# RISALAH KETENGAHKAN PROJEK K3K



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**SETIAUSAHA Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (tengah) semasa melancarkan Risalah romosi dan Showcase Projek-projek Program K3K.**

**TUTONG**, Khamis, 1 April. - Bagi memudahkan orang ramai untuk mengetahui tentang projek dan produk yang diusahakan dalam Program Kebeliehan Kepimpinan, Keusahawanan dan Kemasyarakatan (K3K), sebuah risalah dilancarkan pada Majlis Pelancaran Promosi dan Showcase Projek-projek K3K, bertempat di Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong, hari ini, di sini.

Risalah tersebut mengetengahkan Projek-projek

K3K yang diberi rangsangan melalui tiga fasa proses rangsangan, iaitu bimbingan, bantuan dan berjaya bagi membolehkan ia digerakkan ke arah yang lebih efektif dan *sustainable*.

Tambahan lagi, projek-projek tersebut sekali gus disenaraikan dalam Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), iaitu perniagaan di bawah payung Majlis Perundingan Kampung (MPK) bagi menyumbang pada

sosioekonomi masyarakat kampung, menjana peluang peniagaan, keusahawanan dan pekerjaan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran ialah Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salmin bin Haji Burut dan isteri.

Terdahulu memulakan majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Ajmin bin Haji

Meludin dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan, antara lain hasrat utama program rangsangan tersebut dilancarkan ialah agar projek-projek berkenaan mampu bergerak sendiri dan dapat menjana pendapatan secara berterusan.

Sejurus selepas majlis pelancaran, tetamu kehormat dipelawa untuk menyaksikan pameran projek-projek yang diungkuhkan oleh belia-belia MPK, seperti Pakej Menerokai Keindahan Sungai Tutong oleh belia-belia MPK Panchor dan Penanjong melalui Tambang.bn, pelbagai pilihan sambal lada daripada belia MPK Kampung Sengkarai bernama Tutong Flames dan produk terbaharu syarikat Labulicious Farm, iaitu ais krim labu kuning yang diusahakan oleh belia MPK Merimbun / Kuala Ungar.

Belia-belia tersebut juga diberikan peluang untuk mengikuti Tamu Mingguan 1K1P, iaitu setiap Khamis di tempat yang sama, bagi mempromosikan dan mendedahkan produk masing-masing kepada orang ramai.

Risalah Projek-projek K3K turut memuatkan projek lain seperti Pakej Alam Semula Jadi ke

Kampung Kiudang dan Pad Nunok oleh Lakastah.bn dan projek berbentuk penganjuran acara-acara berupa cabaran serta riadah oleh Penabai Funtastic Challenge.

Sebahagian daripada belia-belia tersebut merupakan Ahli IMPAK, iaitu satu badan di bawah Pusat Belia Tutong, di mana belia-belia yang aktif dalam pelbagai bidang dari seluruh Daerah Tutong, seperti keusahawanan, pendidikan, sukan dan sebagainya disatukan di bawah satu induk, bagi memudahkan kumpulan tersebut digerakkan dalam aktiviti-aktiviti kebeliaan apabila diperlukan.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung; Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya dan Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong dan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit selaku Penghulu Mukim Telisai dan Pemangku Penghulu Mukim Ukong.

Maklumat mengenai aktiviti-aktiviti lain di Daerah Tutong boleh dilayari di Laman Sesawang [www.tutong.click](http://www.tutong.click), manakala risalah projek yang dilancarkan boleh dimuat turun di <http://tutong.click/RK3K.pdf>.

## Perpustakaan UNISSA terima buku dari Kedutaan AS



**CHARGE d'Affaires Kedutaan Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Emily Fleckner menyerahkan koleksi buku ilmiah kepada Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (atas). Manakala gambar kanan, Puan Emily Fleckner semasa menyaksikan Buku-buku Terbitan UNISSA.**



### Siaran Akhbar dan Foto :

**Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 31 Mac. - Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima koleksi buku dari Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD)

sebagai sebahagian daripada pelancaran Rak Amerika yang baharu di Perpustakaan UNISSA.

Penyerahan koleksi buku ilmiah yang berkaitan dengan pengajian Islam dan Islam di AS disampaikan

■ **KEDUTAAN Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD) lancarkan Rak Amerika yang baharu di Perpustakaan UNISSA.**

■ **BERFUNGSI sebagai sumber buku dan maklumat lain tentang AS, rak tersebut mampu membina jambatan persefahaman di antara NBD dan AS melalui karya sastera dan ilmiah.**

oleh Charge d'Affaires Kedutaan AS ke NBD, Puan Emily Fleckner kepada Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Dr. Haji Mohammed Hussain dalam ucapan alu-aluannya menyambut baik sumbangan tersebut dari kedutaan dan buku-buku yang disumbangkan tersebut adalah tambahan bagi koleksi perpustakaan.

Sementara itu, Puan Emily Fleckner percaya hubungan rakyat ke rakyat akan berkekalan. AS akan mempermudah dan menyediakan platform untuk pemahaman lintas budaya.

Jelasnya lagi, kebanyakan buku koleksi berkenaan merangkumi sejarah Islam yang kaya di AS

dan sumbangan berterusan orang-orang Islam AS kepada negara ini.

Acara itu turut diselenggarakan dengan sesi perkongsian yang disampaikan oleh Ketua Unit Perancangan Strategik UNISSA dan Fulbright Visiting Scholar AS-ASEAN 2019, Dr. Md. Hilmy Baihaq bin Haji Awang Yusoff yang antaranya menyentuh mengenai pengalamannya di Temple University di Philadelphia, Pennsylvania.

Anugerah Fulbright AS-ASEAN Visiting Scholar adalah program biasiswa yang membolehkan ahli fakulti universiti, pegawai kerajaan, pentadbir NGO dan kumpulan pemikir profesional di negara anggota ASEAN menjalani

penyelidikan ilmiah atau profesional di AS selama tiga hingga empat bulan.

Beliau juga turut menerangkan mengenai isu-isu penyelidikan yang relevan dan berguna bagi negara-negara anggota dan hubungan AS-ASEAN.

Sumbangan buku itu menandakan pembukaan Rak Amerika yang ketiga di NBD. Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, juga menjadi tuan rumah Rak Amerika.

Dengan berfungsi sebagai sumber buku dan maklumat lain tentang AS, rak tersebut mampu membina jambatan persefahaman di antara NBD dan AS melalui karya sastera dan ilmiah.